

Transformasi tenaga kerja: Strategi Malaysia hadapi revolusi AI

Peruntukan RM10b setahun untuk latihan kemahiran, termasuk dana sektor swasta

Lebih satu abad lalu, ketika dunia mula menyaksikan gelombang akhir Revolusi Perindustrian Kedua, penulis tersohor Inggeris, Rudyard Kipling, menulis puisi yang menggambarkan kehebatan teknologi pelik pada zamannya.

Teknologi luar biasa yang mampu melakukan begitu banyak tugas manusia;

Kita boleh menarik, mengangkut, menolak, mengangkat dan memandu,

Kita boleh mencetak, membaja, menenun, memanaskan dan menerangi,

Kita boleh berlari, berlumba, berenang, terbang dan menyelam,

Kita boleh melihat dan mendengar, mengira, membaca dan menulis.

Namun, dalam puisi yang sama bertajuk *The Secret of the Machines*, Kipling mengingatkan sesuatu yang penting, mesin tetap mesin.

Ia tidak mengenal kasih sayang, tidak mampu berempati, apatah lagi memaafkan.

Hari ini, lebih 100 tahun kemudian, kita berdiri di ambang satu lagi revolusi iaitu era kecerdasan buatan (AI).

Seperti mesin yang dicipta pada zaman Kipling, AI menjanjikan kecekapan luar biasa. Namun ia juga membangkitkan persoalan yang dalam mengenai erti menjadi manusia, maruah, dan masa depan pekerjaan kita.

Ketika mula menjawat jawatan Menteri Sumber Manusia, saya tidak dibelenggu teori akademik atau laporan dasar yang berhabuk.

Sebaliknya, yang menghantui saya ialah suara rakyat pekerja gig, penjaja jalanan, pegawai pejabat, pemilik syarikat yang bertanya dengan cemas;

“Bolehkah saya mendapatkan pekerjaan sewajarnya?”

“Bolehkah saya memperoleh pendapatan bermaruah?”

“Adakah saya masih relevan dalam dunia yang semakin dikawal mesin?”

Soalan seumpama ini bukan lagi sekadar kebimbangan peri-

badi. Ia sudah menjadi perbualan nasional dan memerlukan jawapan.

Kami memutuskan untuk tidak berteka-teki.

Sebaliknya, kami memilih untuk berpandukan data. Dengan kerjasama TalentCorp, kami menjalankan kajian nasional bagi meneliti kesan AI, pendigitalan, dan peralihan kepada ekonomi hijau terhadap pasaran kerja.

Hasilnya mengejutkan apabila 620,000 pekerjaan dikenal pasti berisiko tinggi untuk digantikan oleh automasi. Namun, 60 jenis pekerjaan baharu sedang muncul yang mana 70 peratus daripadanya berkait langsung dengan teknologi digital dan AI.

Ini bukan sekadar teori. Iklan kerja bagi jawatan baharu ini sudah pun wujud. Negara maju sedang melatih tenaga kerja untuk mengisinya. Kita juga harus bertindak.

Malaysia kini memperuntukkan sekitar RM10 bilion setahun untuk latihan kemahiran termasuk dana sektor swasta melalui levi mandatori.

Bagi mempercepatkan lagi pembangunan ini, kami melancarkan MyMahir iaitu platform digital nasional yang menawarkan data masa nyata mengenai peluang pekerjaan, kemahiran diperlukan dan kursus latihan yang tersedia.

Kami juga menubuhkan Majlis Mymahir Future Skills Talent Council untuk memastikan latihan yang diberikan selaras dengan keperluan sebenar di tempat kerja.

Hasilnya, dalam tempoh setahun, pekerja yang menjalani latihan mencatatkan gaji 12 peratus lebih tinggi daripada purata nasional.

Matlamat jangka panjang kami adalah untuk mewujudkan sebuah ‘universiti kemahiran’ iaitu nasional yang boleh diakses semua setaraf dengan universiti akademik, tetapi berasaskan realiti industri.

Satu usaha antarabangsa

Cabaran yang dihadapi Malaysia turut dialami oleh negara ASEAN lain.

Ekonomi kita berkembang dan majoriti penduduknya muda, namun sistem pendidikan dan tenaga kerja masih perlu diperkasakan agar selari dengan keperluan teknologi semasa.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menganggarkan bahawa ASEAN berpotensi mewujudkan sehingga 30 juta pekerjaan hijau menjelang tahun 2030, sekiranya pembaharuan yang tepat dilaksanakan.

Masa depan ini tidak boleh dicapai oleh sesebuah negara se-



Steven Sim (tengah) bersama Menteri Digital, Gobind Singh Deo (ketiga dari kiri); Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud (ketiga dari kanan); Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TalentCorp, Thomas Mathew (pertama dari kanan) dan yang lain pada pelancaran MyMahir dan Kajian Impak tahun lalu.

cara bersendirian.

Ketika Malaysia memegang jawatan Pengerusi ASEAN, kami akan menganjurkan dan menjadi tuan rumah kepada Tahun Kemahiran ASEAN 2025, dengan sokongan daripada ILO.

Inisiatif ini bukan sahaja akan merangsang perbincangan mendalam di peringkat serantau mengenai pembangunan modal insan, tetapi juga menyalurkan sumber yang praktikal ke arah matlamat tersebut.

Sebagai permulaan, pada bulan Jun 2025, Malaysia bercadang membuka Minggu Latihan Kebangsaan tahunan kami kepada seluruh warga ASEAN, dengan menawarkan sebanyak 65,000 kursus latihan kemahiran berkualiti tinggi daripada jenama tempatan dan antarabangsa.

Ini adalah pelaburan kami dalam pembangunan modal insan serantau, dengan aspirasi menjadikan ASEAN sebagai rantau paling berkemahiran tinggi di dunia.

Kami juga berbangga menjalinkan kerjasama dengan Forum Ekonomi Dunia (WEF) untuk bersama-sama menerajui Pemecut Kesamarataan Gender dalam Masa Depan Pekerjaan di Malaysia, satu inisiatif yang bertujuan memperkasakan bakat wanita pada era AI ini.

Usaha ini sejajar dengan matlamat Kerangka Ekonomi Madani negara yang mahu meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja.

Inisiatif ini akan mencadangkan dasar berdasarkan bukti untuk memperkasakan kedudukan eko-



Steven Sim menyampaikan pidato terbuka pada sesi ke-113 Persidangan Buruh Antarabangsa di Geneva, Switzerland.

nomi wanita dalam pasaran buruh.

Isunya adalah maruah manusia. Ketika kita cuba memahami masa kini dan meramalkan masa depan, satu perkara pasti; manusia adalah yang menulis panduan untuk teknologi.

Kipling menamatkan puisinya dengan nada yang menenangkan, kita yang mengawal teknologi, bukan sebaliknya.

*Walau asap kami menyelubungi langit dari pandanganmu
Ia akan lenyap dan bintang akan bersinar semula*

Kerana, walau kami berkuasa dan besar

Kami hanyalah anak-anak dari mindamu!

Akhirnya, persoalan sebenar bukanlah mengenai bagaimana

teknologi yang berubah-ubah akan menjejaskan kehidupan manusia, tetapi bagaimana dasar kerajaan boleh secara konsisten memperkasakan dan mengangkat martabat mereka.

Apabila saya mengenang kembali hari-hari awal di pejabat, saya sedar persoalan yang merunsingkan saya bukan semata-mata mengenai pekerjaan atau gaji.

Ia adalah mengenai maruah dan memastikan tiada siapa yang tertinggal di belakang.

Artikel ini ditulis oleh Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, dan pertama kali diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum)